

PERCUMA



WACANA PEMANGKIN MINDA

Bijaknya!



LEPTOSPIROSIS
&
MELIOIDOSIS

JOM!
MATANG
FAMILY
PARK
SARAWAK

SUDUT RIANG RIA

AKTIVITI
MENCABAR
MINDA

Menang!

CABUTAN BERTUAH
HADIAH MISTERI

- 1.
- 2.
- 3.



KREATIVITI &
NOVASI
SECARA
KITAI SEMULA





Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

DALAM mencapai status negara maju menjelang 2020, Malaysia perlu mewujudkan keadaan ekonomi domestik yang rancak serta perlunya ia disokong oleh komuniti pengguna yang perkasa. Keadaan ini dijangka dapat dilihat daripada kerjasama 3 pihak yang akan melangkaui segala sempadan.

Berdasarkan ini, Visi Kementerian telah dirangka semula bagi memastikan Kementerian berada tepat di antara para pelabur, peniaga serta pengguna. Kementerian akan menjadi penggerak kepada perdagangan dalam negeri dan sebagai jagoan pengguna.

VISI KEMENTERIAN

Peneraju di dalam pembangunan perdagangan domestik, koperasi dan kepenggunaan.

MISI KEMENTERIAN

- Menyediakan suasana perniagaan yang kondusif untuk pembangunan perdagangan dalam negeri;
- Memacu negara ke arah mewujudkan masyarakat pengguna yang sedar akan hak mereka sebagai pengguna serta masyarakat pengguna yang perkasa
- Membangunkan koperasi yang berdaya saing, progresif dan berdaya tahan; dan
- Memupuk kreativiti dan inovasi melalui regim IPR yang efektif.

MOTTO KEMENTERIAN

Perdagangan Sihat Pengguna Berkat

NILAI TERAS KEMENTERIAN

- Bekerjasama
- Amanah
- Komited
- Adil

7 TERAS STRATEGIK KPDNKK

- Meningkatkan sumbangan sektor perdagangan dalam negeri kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK).
- Menanam budaya kepenggunaan.
- Mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif.
- Menuju ke arah liberalisasi pasaran.
- Mensasarkan kecemerlangan organisasi dengan menekankan pembangunan modal insan, pengurusan kewangan berhemah, dan pengurusan pentadbiran yang cekap.
- Meningkatkan penyertaan di arena antarabangsa.
- Infrastruktur perundungan yang kukuh dan regim pengurusan hak harta intelek yang berkesan.



KANDUNGAN

2


PERIHAL ALAM SEKITAR
Kreativiti dan Inovasi
Menggunakan Bahan Kitar Semula


3

KREATIVITI PERMAINAN
Batu Seremban


4-5

KESIHATAN
Leptospirosis dan Melioidosis – Dua jenis penyakit yang berbeza


6-7

LOKASI MENARIK
Matang Family Park, Sarawak


8-9

TIGA
Sambungan Kisah Kembara Rentasan Masa Oleh Tiga Pelajar Sekolah


9

KISAH TELADAN UNTUK ADIKU SAYANG
Sekuntum Bunga Sehari


10-11

KEPERLUAN ATAU KEMAHUAN?
Berbelanja Secara Berhemah


12

TAHUKAH ADIK?
Fakta-fakta menarik yang pasti mengagumkan semua – termasuk orang dewasa!


13

ADA UDANG DI SEBALIK BATU?
INGAT HAK PENGGUNA SEBELUM TERTIPU!
Nasihat Burung Kakak Tua – Tip Berguna Ketika Berbelanja


14

D.I.Y – KEK MENTEGA
Kek Lazat Untuk Disajikan Bersama Keluarga


15

AKTIVITI SERONOK UNTUK ADIK
SUDOKU – Aktiviti Mencabar Minda!

16

SUDUT MEWARNA
Gunakan Kreativiti Mewarna Tersendiri



Diterbitkan oleh:
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUANAN
No. 13, Aras 4 Podium
Persiaran Perdana, Presint 2
62623 Wilayah Persekutuan Putrajaya.
Hotline: 1-800-886-800
Talian Umum: 03-8882 5500
Faks: 03-8882 5983

Rekabentuk dan Dicetak oleh:
ARMNET INTEGRATED SDN BHD (359306-W)
No. 38, Jalan Pekaka 8/4, Seksyen 8
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang atau disiarkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara sebelum mendapat izin daripada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan. Pasukan editorial berhak melakukan penyuntingan ke atas penulisan / artikel yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Penerbitan yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pendirian editorial majalah ini.

www.kpdnkk.gov.my
<http://e-aduan.kpdnkk.gov.my>



Apa pendapat adik terhadap seorang lelaki kacukan Perancis-Kanada yang berumur 15 tahun bernama Joseph-Armand Bombardier apabila beliau melihat sebuah kereta luncur salji, kipas kayu dan sebuah jentera model T-Ford pada musim sejuk?



Pada awal tahun 1920, beliau telah menggabungkan bahagian-bahagian terpakai daripada ketiga-tiga barang tersebut untuk merekacipta sebuah kenderaan yang boleh bergerak dengan pantas melalui salji. Oleh kerana beliau tinggal di negara yang tidak mempunyai jentera untuk mengalih salji pada masa itu, beliau cuma boleh bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain melalui pedati yang ditarik oleh kuda atau berjalan kaki menggunakan kasut salji.

Beliau mempunyai keinginan untuk merentasi kawasan bersalji dengan lebih cepat dan mudah tetapi tidak mempunyai banyak bahan atau pengetahuan tinggi, beliau cuba merekacipta dengan menggunakan bahan-bahan terpakai.

Beliau turut dikenali sebagai pereka 'Snowmobile' dan mempunyai hakcipta untuk mendapat royalti daripada penjualan dan kebenaran untuk penggunaan ciptaannya di negara-negara lain.

Minda adik merupakan aset yang paling berkuasa dan berguna. Apa-apa sahaja idea yang adik boleh fikirkan bukannya mustahil dijadikan realiti. Begitu juga dengan konsep kitar semula – ia bukan sahaja bererti adik perlu menghantar aluminium, kertas dan gelas untuk dikitar semula, adik sendiri boleh mengitar semula bahan-bahan

tersebut untuk kegunaan lain. Fikirkanlah, bukan sahaja adik mengitar dan mengguna semula bahan-bahan terpakai, adik boleh mencipta mainan baru, barang kemäs atau perhiasan yang unik dan tersendiri yang mehijimatkan wang dan berpotensi untuk mendapat keuntungan jika adik mendapat peluang untuk menjualkannya!


Ketahuilah Hak Adik Atas Idea Dan Ciptaan Sendiri

Bayangkan yang adik berjaya menghasilkan sebuah ciptaan baru. Ini dikenali sebagai harta intelek. Adik mula memberitahu rakan-rakan adik dan menunjukkannya kepada orang ramai. Akan tetapi, adik tidak sedar bahawa adik patut mendapatkan hakcipta terhadap ciptaan tersebut. Mana tahu, idea adik diambil oleh orang lain dan jika mereka mendapatkan hakciptanya, maka idea itu akan dianggap sebagai bukti dan idea milik mereka. Tidak adil, kan?

Cara paling mudah untuk melindungi harta intelek adik adalah untuk merakam segala idea adik dalam gambar-gambar dan penulisan. Menggunakan pos berdaftar, hantarkan lakaran idea adik ke alamat sendiri dan apabila adik menerima kembali, jangan dibuka sampul tersebut – sebaliknya disimpan dengan baik. Jikalau ada seseorang menggunakan dan mendapat keuntungan daripada idea adik, adik boleh menuntut hak adik ke atas harta intelek tersebut dengan mengemukakan sampul surat itu. Tarikh yang dicap oleh pejabat pos dan kandungan sampul surat yang dibuka pada masa tersebut merupakan

KREATIVITI & INOVASI

SECARA KITAR SEMULA



bukti kukuh bahawa idea tersebut ialah milik adik dan wujud sebelum orang lain telah mengambil kesempatan terhadapnya.

Walaubagaimanapun, ini tidak menjamin bahawa adik akan sentiasa mendapat hak ke atas semua ciptaan sendiri. Cara terbaik adalah untuk terus mendapatkan harta intelek atau nasihat mesalui pegawai-pegawai bertugas di MyIPO (Perbadanan Harta Intelek Malaysia). Ketahuilah prosedur selanjutnya untuk mendapatkan hakcipta terhadap harta intelek adik dan peluang untuk mempromosikan harta intelek untuk penjualan dan penghasilan melalui laman web <http://www.myipo.gov.my> atau melalui talian PANTAS Online 1300-88-3333.





KREATIVITI PERMAINAN BATU SEREMBAN

Sudah tentu adik pernah mendengar atau bermain permainan batu seremban. Walaupun ia telah lama wujud dan boleh dimainkan dengan menggunakan 5 biji batu, adik boleh cuba gunakan rekaan guni-guni bersaiz kecil yang berisi dengan beras atau kacang hijau mentah sendiri!

Adik Perlukan:

- Kain perca (terpakai) bersaiz sederhana
- Pembaris dan pena
- Jarum dan benang
- Gunting
- Secawan beras atau kacang hijau mentah
- Sudu kecil



*Cara alternatif: Gelung getah boleh digunakan untuk menggantikan jarum dan benang.

Cara-cara:

Berhati-hati apabila menggunakan gunting dan jarum. Jika adik tidak pasti akan cara-cara menjahit, dapatkanlah pertolongan daripada ibubapa, kakak, abang atau gunakan cara alternatif!

1. Potongkan kain perca kepada kepingan petak kecil berukuran 5cm pada setiap sisi.
2. Letakkan dua camca sudu kecil beras atau kacang hijau mentah ke bahagian tengah kain tersebut. Jika kain bercorak, pastikan adik letakkannya ke atas permukaan yang tidak bercorak.
3. Gabungkan hujung-hujung kain tersebut. Gunakan jarum dan benang untuk menjahit menerusi gabungan kain tersebut. Sebagai alternatif, adik boleh gunakan gelung getah untuk mengikat sama hujung-hujung kain, tetapi adik mesti ikatkan getah secara ketat.
4. Kemaskan hujung kain terikat dengan menggunakan gunting.
5. Ulangi langkah-langkah 1-4 sehingga adik mendapat 5 biji batu seremban!

Nota: Saiz kepingan kain atau kuantiti beras / kacang hijau mentah diperlukan kepada adik. Ingat, semakin kecil kain yang digunakan, semakin sedikit bahan mentah diperlukan, dan semakin susah mainan batu seremban!

Saya ingin tahu...

A. Cara menjahit!

Setelah meletakkan benang menerusi lubang pada jarum dan mengikat mati pada kedua-dua hujung benang, cucuk jarum melalui gabungan kain ke arah bertentangan adik. Kemudian, jarakkan jarum sedikit dan tembuskannya semula kearah adik lagi. Ulangi pelbagai arah disekelilingnya sehingga ianya nampak ketat dan kukuh. Kemudian guntingkan benang, setelah diikat mati hujung pada batu seremban dan



http://fca.kct.edu.my/images/batu_seremban.html_0?page=4&size=.original

kemaskan untuk mengakhiri jahitan.

B. Cara bermain Batu Seremban!

Permainan ini boleh dimainkan sendiri atau bersama rakan-rakan. Lemparkan kesemua biji batu ke atas lantai. Pilih satu antaranya dan lambung ke atas di samping cuba kutip salah satu biji batu yang berada di lantai tanpa menyentuh batu-batu lain dan menangkap batu yang dilambung sebelum menyentuh lantai dengan menggunakan tangan yang sama. Apabila tiada lagi batu di lantai, ulangi lambungan dan cuba kutip dua biji batu pada satu masa. Tahap seterusnya, kutip sebiji, kemudian tiga biji batu. Jika tidak berjaya menangkap sebelum ia menyentuh lantai atau tersentuh batu-batu lain di atas lantai semasa lambungan, maka pusingannya berakhir.



CABARAN KREATIF:
Bolehkah adik menambah atau mengubahsuai peraturan mainan supaya ia menjadi lebih mencabar?




LEPTOSPIROSIS & MELIOIDOSIS

Tahukah adik-adik tentang jangkitan penyakit Leptospirosis yang telah meragut nyawa sejumlah 1,418 nyawa pada tahun 2009 berbanding 263 nyawa pada tahun 2004?

KITARAN JANGKITAN BAKTERIA LEPTOSPIROSIS



*Perumah merupakan haiwan yang membawa atau menyuburkan patogen (organisma yang berbahaya) dan merupakan sumber penyakit / jangkitan.



Leptospirosis dan Melioidosis sering berlaku secara serentak dan setempat sehingga kedua-dua penyakit berbeza tersebut disalah anggap sebagai satu jenis. Baru-baru ini, terdapat laporan kematian pengunjung kawasan perkelahan sungai di Pahang disebabkan kedua-dua penyakit tersebut yang tidak patut dianggap sebagai perkara yang remeh. Walaupun tidak boleh berjangkit daripada pesakit yang dijangkiti tetapi ianya mudah untuk dijangkiti tanpa disedari. Ini boleh menyebabkan kematian dalam tempoh yang singkat. Kenal pastikan perbezaan simptom-simptom dan ambil langkah-



langkah pencegahan untuk mengelak dari berlaku kepada diri dan keluarga tersayang.

Kes Leptospirosis Di Malaysia	
Tahun	Jumlah Kes
2004	263
2005	378
2006	527
2007	949
2008	1,263
2009	1,418

*Sumber: Report of Morbidity and Mortality for Health Ministry Hospitals 2004-2009

Apakah Leptospirosis?

Leptospirosis (*Lep-to-spy-ro-sis*) merupakan penyakit yang berpunca daripada bakteria yang terkandung di dalam air kencing tikus. Sebenarnya, bakteria ini juga boleh dibawa oleh haiwan-haiwan lain tetapi oleh kerana tikus berada di merata-rata tempat (khususnya kawasan-kawasan yang kotor dan mempunyai himpunan sampah sarap) ianya menjadi masalah bukan sahaja kepada para penternak turut bagi penduduk di kawasan perumahan.

Bagaimanakah Leptospirosis Berlaku?

Wabak Leptospirosis lazimnya bermula apabila berlakunya banjir. Oleh kerana tikus-tikus tersebut mati, bangkainya akan mencemari air banjir.



Adik boleh dijangkiti jika adik mengambil makanan dan minuman yang terdedah kepada titisan air kencing tikus akibat penyediaan makanan yang tidak bersih. Adik juga boleh dijangkiti juga jika titisan air kencing tikus tersebut mengenai pada bahagian mata atau kulit yang luka.

Simptom-Simptom Jangkitan

Tanda-Tanda Awal:

- Demam panas (suhu badan 37.8°C - 40.6°C)
- Sakit kepala yang teruk
- Kesakitan pada bahagian otot, belakang, sendi atau leher yang kaku
- Sakit perut
- Rasa kesejukan
- Rasa loya dan muntah
- Keletihan yang keterlaluan
- Batuk dan ruam pada badan (kadangkala berlaku)

Tanda-Tanda Progresif:

- Kekuningan kulit dan bahagian putih mata
- Sedikit atau tiada air kencing
- Ruam atau bintik-bintik merah pada kulit
- Kahak berdarah
- Mata kembang dan merah


Pencegahan Lebih Baik Daripada Berubat

Jangan bermain atau mandi dalam takungan air hujan terutamanya di kawasan-kawasan yang tidak bersih.

Adik-adik boleh dijangkiti jika tikus-tikus itu didapati berkerumun di kawasan perumahan adik. Amalkan tabiat mencuci bekas simpanan air sebelum digunakan dan meminum minuman air yang telah dimasak.

Berhati-hati apabila berada di kawasan-kawasan sampah dan taman rekreasi luar – pastikan adik jaga kebersihan diri

KITARAN JANGKITAN BAKTERIA MELIOIDOSIS



Air bertakung pada tanah / permukaan yang mengandungi *B. pseudomallei*

dan tidak membiarkan luka terdedah tanpa rawatan segera.

Apakah Melioidosis?

Melioidosis (*Meh-lee-oy-do-sis*) ialah penyakit yang berpunca dari bakteria yang dijumpai dari tanah dan air. Biasanya didapati di kawasan-kawasan pertanian (contohnya sawah padi) dan kadar jangkitannya turut boleh meningkat ketika musim tengkujuh.

Bagaimanakah Melioidosis Berlaku?

Boleh dijangkiti melalui kulit yang luka terdedah kepada tanah atau air yang tercemar. Debu atau memakan makanan yang tercemar turut memberi kesan yang sama. Ianya juga mudah berlaku terhadap mereka yang mempunyai penyakit kronik seperti kencing manis.

Simptom-Simptom Jangkitan

Tanda-Tanda Awal :

- Kemunculan borok, pembentukkan nanah bersama demam dan sakit otot
- Infeksi paru-paru yang akut – demam panas, batuk dan sakit dada
- Keracunan darah – demam, susah bernafas, mudah terkeliru

Setelah penyakit merebak ke seluruh badan, pesakit turut kehilangan berat badan secara mendadak, pening kepala dan epilepsi / sawan.

Pencegahan Lebih Baik Daripada Berubat

Elakkan kulit yang luka terdedah terutama apabila berhampiran dengan kawasan-kawasan pertanian. Guna pakaian yang tidak mudah menyerap air dan jika terdapat luka pada kulit hendaklah dirawat dengan segera serta pastikan sentiasa bersih dan kering.

Jangan Leka...

Jika adik mengalami simptom-simptom tersebut, teruslah berjumpha dengan doktor sebelum terlambat!



JOM JALAN-JALAN



MATANG FAMILY PARK

SARAWAK


www.sedctourism.com/matang.asp

FOTO OLEH: SARA URUSHARTA SDN BHD • 082 412150



Lokasi Menarik Untuk Aktiviti Berkelah Dan Berkhemah

Matang Family Park terletak di lembah Gunung Serapi dan jaraknya adalah sejauh 22km dari bandar Kuching, Sarawak. Airnya yang dingin dan menyegarkan berpunca dari Sungai Cina. Terdapat pelbagai spesis-spesis flora dan fauna yang berhabitat di Matang Family Park. Panoramanya yang indah amat sesuai untuk aktiviti bersama keluarga dan rakan-rakan.



Matang Family Park terkenal kerana keindahan alam semulajadinya. Bercirikan hutan hujan tropika dan aliran air yang mengalir di celah-celah batubatan pelbagai bentuk menjadi tarikan utama. Ia dibuka untuk para pengunjung setiap hari di sepanjang tahun.

Lokasi rekreasi ini amat popular bagi para pengunjung yang terdiri dari pelancong dalam dan luar negara di mana kawasannya sesuai untuk perkelahan dan perkhemanan.

Terdapat pelbagai kemudahan awam yang disediakan seperti bilik mandi, tong sampah dan tandas. Bagi aktiviti perkhemanan pula, kawasan serta kemudahan asas turut disediakan. Ini bertujuan untuk adik-adik yang gemar aktiviti lasak dan ingin merasai bermalam di dalam hutan. Ianya juga disertakan bersama pakej-pakej perkhemanan yang istimewa.

Cadangan Aktiviti Rekreasi Lain

Adik-adik boleh mengadakan aktiviti rekreasi sendiri. Ambil foto spesis tumbuh-tumbuhan dan serangga yang berlainan kemudian berkumpul bersama ahli keluarga atau rakan-rakan adik mengenalpasti dan membandingkan rakaman foto-foto yang diperolehi.

Adik-adik juga boleh mempraktikan cara-cara memasak makanan dengan betul semasa berkelah. Di samping itu, adik turut boleh meningkatkan kesedaran terhadap tanggungjawab kita dalam memelihara keindahan alam sekitar.

Ingat...

Sentiasa berwaspada terhadap keselamatan diri adik-adik. Kebersihan mestilah diutamakan – jangan membuang sampah di merata-rata tempat kerana ini bukan sahaja boleh mengancam habitat tumbuhan dan hidupan liar tetapi akan menyebabkan merebaknya pelbagai jenis penyakit.

Dilarang merosakkan tumbuh-tumbuhan, mengganggu serangga atau haiwan yang kita mungkin berpeluang melihat ketika berada di Matang Family Park. Kawasan ini merupakan habitat mereka. Sayangi dan

lindungilah agar spesis-spesis tersebut tidak pupus. Ini menjadi kelangsungan untuk generasi akan datang mempelajari dan membuat penyelidikan tentang flora dan fauna di negara kita ini.

Jangan diambil apa-apa kecuali rakaman foto dan jangan tinggalkan apa-apa kecuali tapak kaki adik!

- ← LEISURE WALK
- ← CAMP SITES
- ← PICNIC SPOT
- ← STAGE 1 (1600 M)



TIGA

EPISOD 2

IMBASAN EPISOD 1

Balram, Haziq dan Jenny merupakan pelajar-pelajar sekolah rendah satu bilik darjah. Balram telah mengambil patung Jenny, sementara Haziq cuba memujuk Balram untuk berbaik dengan Jenny. Disebabkan Jenny mengejar Balram yang berlari bersama patungnya, mereka bergaduh dan akhirnya tertolak antara satu sama lain ke dalam kolam. Setelah keluar dari kolam, di dapat bahawa mereka tidak berada di taman sekolah lagi. Sebaliknya, mereka terserempak dengan lelaki bernama Parameswara.

Apa pula halnya ni? Bukanakah awak semua penduduk kawasan ini? Tak kan tak tahu nama tempat kediaman pula!" Parameswara kelihatan hairan sambil bertanya ketiga-tiga pelajar sekolah tersebut. Mereka tidak dapat menjelaskan apa-apa kerana mereka juga sama-sama terkejut dan hairan. Mereka berasa lebih takut apabila melihat senapang yang dibawa olehnya.

Parameswara mula mengkaji kawasan di sekelilingnya seraya memandang seketika air sungai, dan terus berjalan ke arah pokok Melaka yang berdekatan dengan mereka. Dia duduk di bawah pokok itu dengan selesa. Balram, Haziq dan Jenny masih berdiri, terpegun melihat Parameswara.

"Mana ada orang zaman ini bernama Parameswara..." dengan suara kecil, Jenny mula bersuara.

"Tapi kan, takkanlah itu Parameswara dari buku teks kita? Lawak jenis apa ni?" sahut Balram dengan perlahan.

Tiba-tiba, Parameswara dan ketiga-tiga pelajar tersebut terkejut apabila mendengar salakan seekor anjing. Tidak lama kemudian, muncul seekor pelanduk berlari dan berhenti di hadapan Parameswara, diikuti pula oleh seekor anjing yang menyalak tadi. Pelanduk bersedia untuk mempertahankan dirinya lalu menyerang anjing tersebut sehingga terjatuh ke dalam sungai.



"Haih, hari ini semakin pelik jadinya, macam mana pula anjing buruan saya boleh kalah!", Parameswara menoleh kembali ke Jenny, Balram dan Haziq. "Lokasi dan sungai di sini amat sesuai untuk pelabuhan... dan nampaknya tempat ini masih tiada bernama. Saya boleh memajukannya dan kerana saya duduk di bawah pohon ini di mana ilham ini tercerus, saya akan namakannya 'Melaka'."

Jenny tercengang. Balram dan Haziq memandang ke arah Jenny dan pada masa yang sama, mereka memaling ke arah belakang cuba untuk melarikan diri. Walaupun demikian, mereka terkedu pula melihat seorang wanita tua yang sedang mengutip Bunga Kesidang di sebuah taman berhampiran dengan sebuah rumah papan. Wanita tua tersebut memandang ke arah mereka dan memberikan senyuman manis.



Balram menoleh semula untuk mencari Parameswara – tetapi tiada lagi di belakang mereka. Sungai, pokok Melaka, anjing dan pelanduk yang mereka baru sahaja lihat sebentar tadi juga turut hilang. Mereka kini dikelilingi pokok-pokok bunga dan beberapa rumah papan. Balram mencuit belakang Haziq.

"Eh... Haziq? Mana Parameswara? Air sungai pun dah hilang!"

BERSAMBUNG

(Ikutilah jejak mereka dalam isu seterusnya!)

KISAH TELADAN UNTUK ADIKKU SAYANG

Sekuntum Bunga Sehari

Pada suatu masa dahulu, terdapat dua budak lelaki yang tinggal di sebuah istana bersama keluarga mereka yang sedang berkhidmat untuk Raja. Seorang daripadanya amat menyintai seorang wanita dan teringin memberikannya hadiah.

Pada suatu hari budak lelaki tersebut terlihat sebuah pasu bunga besar yang dipenuhi dengan bunga yang sangat cantik ketika melalui dewan utama istana bersama kawan-kawannya. Beliau membuat keputusan untuk memetik sekuntum bunga pada setiap hari untuk diberikan kepada wanita yang disukainya. Raja mulai sedar bahawa setiap hari semakin sedikit jumlah bunga yang tinggal. Raja memerintahkan semua pekerja-pekerja istananya untuk berhimpun.

Dihadapan Raja, budak lelaki tersebut ingin memberitahu Raja tentang perbuatannya itu. Kawannya menasihati untuk merahsiakannya kerana khuatir Raja akan murka. Budak lelaki itu berada dalam ketakutan. Ketika Raja menghampirinya, beliau terus mengaku dengan suara yang terketar-ketar.

Wajah Raja bertukar kemerahan tanda murka. Tetapi setelah Raja mengetahui apa yang beliau lakukan dengan bunga-bunga tersebut, Raja mulai tersenyum dan berkata, "Beta tidak terfikir ada kegunaan yang lebih baik untuk bunga-bunga Beta."

Mulai hari itu, budak lelaki dan Raja tersebut bersahabat baik. Setiap kali Raja mendapatkan pasu bunga yang diisi dengan bunga-bungaan, Raja dan budak lelaki itu akan memetik dua kuntum bunga pada setiap hari – satu untuk wanita yang dicintai dan satu lagi khas untuk Permaisuri Raja.

Adik-adik sekalian, amalkanlah sikap jujur. Menipu hanya akan membuka kesedihan, kemarahan dan permusuhan di antara satu sama yang lain.





KEPERLUAN ATAU KEMAHUAN?


Apabila adik membeli-belah, apakah faktor-faktor yang adik pertimbangkan sebelum adik membeli sesuatu barang? Contohnya, adik perlukan beg sekolah yang baharu. Adik memerlukannya untuk membawa buku-buku teks dan latihan, alat tulis, bekalan makanan dan minuman juga pakaian untuk pendidikan jasmani. Adik perlukan beg bersaiz sesuai dan tahan lasak kerana adik akan menggunakan setiap hari.

Apabila adik mula mencari beg sekolah, adik mula memikirkan faktor-faktor lain seperti warna, corak, rekabentuk, jenama dan sebagainya. Adik juga mula mengambil kira jenis beg yang digunakan oleh rakan-rakan sekolah adik.

Setakat ini, bolehkah adik lihat perbezaan antara faktor-faktor tersebut? Yang manakah merupakan faktor keperluan atau kemahan?

Begitu juga apabila adik pergi membeli-belah bersama rakan-rakan atau ahli keluarga. Terutamanya pada musim jualan murah, adik tentu terlihat papan tanda diskaun hebat atau tanda harga yang memaparkan harga sebelum dan selepas diskaun. Pernahkah adik membeli sesuatu barang hanya sebab harganya sangat murah berbanding harga sebelumnya? Apabila adik melihat promosi pembelian dua atau tiga barang yang sama, harganya menjadi lebih murah? Perlukah adik membeli tiga helai baju, sedangkan adik sebenarnya sedang mencari satu helai baju sahaja?

Sebenarnya, kedua-dua faktor perlu dipertimbangkan secara rasional apabila kita membeli sesuatu barang. Tidak mungkin adik hendak menggunakan beg yang warna dan rekabentuk yang kurang menarik tetapi berkualiti? Atau beg yang cantik rupanya tetapi saiznya tidak betul atau cepat rosak?



CONTOH SOALAN-SOALAN LAZIM YANG ADIK PERLU FIKIRKAN IALAH:

- 1) Adakah ini barang yang saya perlukan?
- 2) Mampukah saya membelinya?
- 3) Bolehkah ia tahan selama tempoh yang diperlukan?
- 4) Adakah saya kesuntukan masa untuk membuat pilihan di kedai yang lain? Mungkin ianya lebih murah atau ada rekabentuk lain yang lebih menarik?
- 5) Adakah pilihan saya dipengaruhi oleh rakan-rakan atau atas keputusan sendiri?
- 6) Jika saya membeli lebih dari satu adakah saya akan menggunakananya?
- 7) Barang ini murah tetapi perlukah saya membelinya? Adakah ada keperluan untuk menggunakananya?





Faktor pilihan barang yang kita beli berbeza bagi semua orang mengikut kemampuan atau situasi. Walaubagaimanapun, perkara yang kita semua tidak ingin berlaku ialah pembaziran.

Sememangnya kita semua tidak boleh melepaskan diri sepenuhnya daripada membazir. Tetapi, kita boleh mengurangkannya kerana kita perlu bijak berbelanja. Apabila kita bijak berbelanja, kita berasa gembira kerana kita memiliki barang yang mencukupi serta berupaya menyimpan wang untuk kegunaan masa hadapan.

Amalan yang baik untuk mengurangkan pembaziran ialah sentiasa bertanya pada diri sendiri sebelum membuat pilihan.

Bolehkah adik fikirkan soalan-soalan lain? Mulakan amalan ini sekarang dan jadilah pengguna yang bijak berbelanja!




CARI PERBEZAAN PADA CAKERA PADAT

Terdapat 5 perbezaan pada kedua-dua cakera padat tersebut.
Bolehkah adik-adik mencarinya?

(A)



(B)





TAHUKAH ADIK?

Fakta-fakta rawak yang pasti mengagumkan semua – termasuk orang dewasa!

SUMBER DARI: <http://www faqkids com>


PADA masa ini, terdapat 190 buah negara yang merdeka di seluruh dunia. Russia merupakan negara terbesar, manakala Vatican City ialah yang terkecil – lebarnya kurang daripada 1km. Shanghai (China) pula ialah bandaraya yang terbesar di dunia.



PADA tahun 1999, jumlah manusia yang berada di Bumi dicatatkan mencapai 6 bilion. Anggaran semasa dibuat oleh United States Census Bureau kini ialah sebanyak 6,855,300,000!



ORANG dewasa mempunyai sebanyak 206 bahagian tulang. Bayi yang baru lahir mempunyai 350 bahagian tulang tetapi ketika ia membesar, sebahagian daripada tulang-tulang tersebut akan bergabung.



1 googol
= 1.0×10^{100}

1 GOOGOL ialah nombor 1 yang diikuti oleh seratus bilangan sifar dibelakangnya! Nombor yang terbesar yang telah diberi nama ialah googolplex, iaitu nombor 1 yang diikuti sejumlah 1 googol bilangan sifar (macam mana nak tulis semua sifar tu???)




MENURUT Guiness Book of World Records, Peregrine Falcons ialah burung pemangsa yang terpantas di dunia. Ia boleh menjunam sepantas 217 batu sejam atau 349km sejam!



THE First World Hotel terletak di Genting Highlands, Malaysia dikatakan hotel terbesar di dunia kerana mempunyai sebanyak 6,300 buah bilik. Tetapi jika kita soalkan saiz, MGM Grand Hotel di Las Vegas Amerika berkemungkinan lebih besar – ia mempunyai 5,000 buah bilik, sebuah kasino dan kawasan habitat singa tersendiri!

<http://www.ngenting.com/en/media/ceo/photos.html>





ADA UDANG DI SEBALIK BATU? INGATI HAK ANDA SEBAGAI PENGGUNA... ELAKKAN DARI TERTIPIU!

Hai Adik-Adik semua!

Tahukah adik apa itu hak pengguna? Ada lapan hak pengguna yang perlu adik-adik ketahui iaitu Hak untuk mendapat keperluan asas, Hak untuk mendapat keselamatan, Hak untuk mendapat maklumat, Hak untuk mendapat pilihan, Hak untuk mendapat ganti rugi, Hak untuk menyuarakan pendapat, Hak untuk mendapat pendidikan kepenggunaan dan Hak untuk mendapat alam sekitar yang sihat.



Salah satu hak pengguna yang akan kakak terangkan disini adalah 'Hak untuk mendapat ganti rugi', dimana pengguna berhak mendapat perlindungan sekiranya berlaku pembelian barang atau servis yang tidak beretika dari peniaga. Ini adalah secebis pengajaran yang kakak lalui baru-baru ini yang boleh dijadikan teladan serta pemahaman yang lebih berkesan mengenai hak pengguna.

Pada suatu hari, kakak pergi ke pasaraya untuk membeli tepung kastad. Apabila kakak dapat tahu pihak pengurusan mengadakan kempen promosi 'Buy One Free One' (Beli satu dapat lagi satu percuma) untuk sepaket tepung kastad, kakak terus membeli dua paket untuk mendapat empat paket. Tiba dirumah, alangkah terkejutnya kakak apabila melihat warna tepungnya yang luar biasa. Tepung kastad biasanya berwarna putih bersih, tetapi yang ini sudah menjadi kekuning-kuningan!

Sememangnya kakak terlupa untuk memeriksa tarikh luputnya sebelum membuat pembelian. Kakak kecewa apabila mendapati keempat-empat paket tepung kastad tadi telah tamat tempoh atau luput tarikh! Kakak bergegas semula ke kedai terbabit bersama resit pembelian dan terus membuat aduan kepada pengurus kedai. Pengurus kedai tersebut meminta maaf dan telah mengembalikan semula wang kakak.

Untuk pengetahuan adik-adik, kakak juga pernah hampir ditipu melalui tanda harga. Kakak pernah diminta membayar sebanyak RM35 untuk baju yang kakak pilih sedangkan harga yang tercatat

pada tanda harga hanyalah RM25! Kakak juga pernah menerima baucar diskaun 20% ke atas apa-apa barang yang dibeli tetapi kakak 'terlupa' membaca tulisan yang sangat kecil yang ditulis di hujung baucar tersebut. Ia menyatakan bahawa kakak hanya layak menerima diskaun jika berbelanja RM50 dan ke atas sahaja! nasib...nasib....



Kesimpulannya, adik perlu mengetahui hak dan sentiasa berwaspada supaya tidak mudah terpedaya oleh peniaga-peniaga yang tidak beretika. Sekiranya kita sebagai pengguna tidak dapat menuntut hak kita, iaitu peniaga tidak mahu menanggung kos kerugian yang kita alami, kita boleh membuat aduan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPPM) melalui laman web <http://tppm.kpdnkk.gov.my> atau talian telefon di 1-800-88-9811.


Sebelum kakak mengundur diri, kakak ingin berkongsi tip yang berguna untuk adik dan seisi keluarga. Jadilah pengguna yang bijak!

Salam,

Burung Kakak Tua

SENARAI SEMAKAN PENGGUNA BIJAK

1. Sentiasa periksa/baca:
 - a. Tarikh luput
 - b. Tanda harga
 - c. Syarat-syarat dan tulisan kecil pada baucar / iklan / produk
2. Pastikan:
 - a. Resit pembelian diberi
 - b. Harga pada mesin daftar tunai sama dengan yang tercatat pada tanda harga
 - c. Barang yang dibeli tidak rosak
3. Jika rasa tertipu, sila hubungi Tribunal Tuntutan Pengguna melalui:
 - a. Laman web:
<http://tppm.kpdnkk.gov.my>
 - b. Hotline:
1800-88-9811



Kek Mentega

Mari kita belajar cara-cara membuat Kek Mentega. Pengawasan daripada orang dewasa amat diperlukan. Selamat mencuba!

Sediakan:

- 125g mentega atau marjerin
- ½ cawan gula halus (gula kastor/caster)
- 2 biji telur ayam
- ½ cawan susu segar
- Pengayak tepung
- Mangkuk pembancuh
- 1 sudu kecil perisa vanila
- 2 cawan tepung naik sendiri – diayak
- Senduk pembancuh
- Bekas pembakar kek

Arahan:

1. Campurkan bahan-bahan mentega dan gula halus ke dalam mangkuk pembancuh. Pukul sehingga menjadi gebu dan ringan.
2. Masukkan telur ayam ke dalam adunan tadi dan kacau perlahan-lahan sehingga mesra. Kemudian campurkan perisa vanila – kacau sehingga sebati.
3. Sebahagian kecil tepung naik dicampur sehingga rata ke dalam adunan. Selepas itu, campurkan sedikit susu segar sehingga rata. Ulangi secara berselang-seli penambahan tepung dan susu sehingga habis kesemuanya.
4. Sapukan bekas pembakar kek dengan sedikit mentega. Masukkan adunan kek ke dalam bekas pembakar kek dan ratakan. Panaskan ketuhar, suhu 180°C dan masak adunan kek tersebut selama 35-40 minit.
5. Apabila telah masak, sejukkan selama 25-30 minit sebelum dikeluarkan dari bekas pembakar kek.



Untuk pastikan kek cukup masak, cucukkan pencungkil gigi di tengah-tengahnya. Kek cukup masak apabila pencungkil gigi bersih apabila dicabut keluar. Jika tidak, biarkan dalam ketuhar dan periksa dengan cara yang sama setiap 2-3 minit.



AKTIVITI SERONOK UNTUK ADIK-ADIK SEMUA...! SUDOKU

Tahukah Adik?

Sudoku ialah gabungan perkataan Jepun: Su = nombor, Doku = tempat yang hanya sesuai untuk satu nombor sahaja.

Sebenarnya asal mainan ini bukanlah dari negara Jepun! Ianya berasal dari negara Switzerland tetapi hanya sebagai teori matematik oleh Leonhard Euler seawal kurun ke-18!

Encik Maki Kaji, presiden syarikat penghasilan mainan dan teka-teki yang terbesar di Jepun, Nikoli Inc., merupakan individu yang bertanggungjawab membangunkan konsep ini menjadi teka-teki yang popular pada hari ini.

Ia menjadi amat popular di seluruh dunia selepas seorang warga New Zealand, Encik Wayne Gould melawat negara Jepun dan membawa Sudoku ke United Kingdom dan seterusnya dicetak dalam suratkhabar The Times buat kali pertama pada 12 November 2004. Hebat bukan?

Mari Mencuba!

Tahap: MUDAH

Cuba adik isikan petak-petak dibawah dengan nombor-nombor 1-4. Syaratnya ialah adik tidak boleh mengulangi nombor 1-4 dalam setiap petak 2×2 (petak kecil) atau setiap baris dan lajur (diwarnakan).

TAHAP 1

	2	3	4
3	4	1	
2	1	4	
3	2	1	

TIP: Antara nombor 1-4, nombor yang manakah tidak berada dalam lingkungan petak mendatar? Bagaimana pula untuk petak menegak? Periksa lajur dan baris lain sekarang. Apakah nombor yang patut diisikan kedalam petak yang masih kosong?

4	3	2	1
2	1	4	3
3	4	1	2
1	2	3	4

Adakah adik bersedia untuk tahap seterusnya? Kali ini, petak-petak di bawah perlu diisi dengan nombor-nombor 1-6. Syaratnya adalah sama.

TAHAP 2

1		3	4		
4		6			3
2		1		6	
5		4	2		
3		2		4	
6		5			2

Pastikan adik dapatkan isu seterusnya untuk mencuba tahap yang lebih mencabar!

6	4	5	3	1	2
3	1	2	6	4	5
5	6	4	2	3	1
2	3	1	5	6	4
4	5	6	1	2	3
1	2	3	4	5	6





Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan



Kereta ini mungkin sekadar mainan tetapi
demi keselamatan, ada *standard* yang patut dipatuhi.
Pastikan alat permainan adik-adik mengikut *standard*
yang telah diiktiraf oleh Kerajaan.

MC



Konsep 1 Malaysia



KONSEP 1Malaysia bukanlah satu wawasan atau gagasan pemikiran baru. Sebaliknya Konsep 1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” lebih merupakan satu konsep dalam bidang pentadbiran yang menyarankan pemimpin-pemimpin Kerajaan menjalankan tugas dengan lebih cekap, amanah dan bertanggungjawab demi kepentingan rakyat.

Menjadi asas kepada semua ini adalah prinsip keadilan untuk semua kaum, yang membawa maksud bahawa nasib semua kaum akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan ini mestilah mengambil kira taraf kemajuan kaum-kaum yang berada pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya, akan tetap dilaksanakan.

1Malaysia adalah penerusan agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.